
Title	Tentang kekata: Sopan dan santun
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1993 Muhammad Ariff bin Ahmad

tentang kekata: sopan dan santun

Rabu 21 April 1993 jam 12.00 tengahari.

Telefon berdering. Setelah memperkenalkan diri, orang di sana minta saya jelaskan tentang kekata **sopan** dan **santun**. Dia hendak tahu bagaimana asal-usulnya kekata itu menjadi bahasa Melayu dan apa maksud yang sebenar kedua kekata itu.

Ujar saya: menurut kamus R O Winstedt [1959] kekata **sopan** itu berasal dari bahasa Arab, manakala kekata **santun** itu pula dari bahasa Melayu Johor. Winstedt memaknakan kedua-dua kekata itu sebagai *terhormat, beradab dan berbudi bahasa*. Di Indonesia, kata Winstedt, **santun** itu membawa juga makna *rasa sedih bercampur kasihan*.

Dalam bahasa Melayu **sopan** bermakna *hormat akan orang lain, tahu dan patuh akan adat resam masyarakat, beradab atau bermoral, taat akan ajaran agama dan tahu bertata kerama terhadap sesama manusia*, misalnya yang terpakai dalam wacana:

- (1) Orang yang **bersopan** ialah mereka yang malu hendak berbuat sesuatu yang sumbang atau yang bersalah adat.
- (2) Tidak sangka, anak muda yang anti-sosial dahulu, kini telah berubah langsung menjadi pemuda yang begitu **sopan** dan bertanggungjawab.

Akan kekata **santun** itu adalah berasal dari bahasa Kawi [bahasa Jawa Kuno]. Dalam bahasa Kawi, kekata itu disebut *asantun* yang membawa makna *berlambat-lambat* atau *berlalai-lalai* yakni *tidak bergopoh-gapah; tidak tergocoh-gacah*. Sesiapa yang pernah tiba dan makan di restoran di Jogja, di Jawa Tengah, mereka dapat melihat betapa **asantun** pelayan restoran melayan pelanggan. Pelanggan harus *sabar menanti* mengikut resam pelayan menyuguhkan makanan dengan begitu teratur tetapi agak lambat.

Dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu, kekata **santun** itu bermakna *halus, lemah lembut, berbudi pekerti dan dalam keadaan yang senonoh*, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

- (3) Pakaian yang **santun** dan ranggi ini sesuai dipakai dalam majlis-majlis rasmi.
- (4) Bersantun kepada orang tua tanda kita hormati mereka, tetapi bersantun terhadap anak-anak tanda kita kasih akan mereka.

Kata **menyantuni** berasal dari kekata **santun**. **Menyantuni** membawa makna *mengasihani* atau *menolong*, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

- (5) **Menyantuni** fakir miskin adalah kewajiban kita sekalian.
- (6) Yayasan berusaha mendirikan rumah itu semata-mata untuk **menyantuni** anak-anak yatim.

Peribahasa sudah merasa maka **santun** menyindir keadaan seseorang yang telah merasai sendiri sesuatu kesusahan barulah ia berasa belas kesihan akan penderitaan orang lain dan timbul keinginannya hendak membantu orang yang menderita itu. Maka sah **santun** dalam peribahasa itu bermakna *kasihan dan hendak menolong*.

Di Indonesia, kata **santunan** membawa makna *sesuatu yang dipakai* (biasanya: wang) *untuk menggantikan kerugian seseorang kerana kemalangan*, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

(7) Encik Sham telah menerima **santunan** \$10,000 daripada insurannya kerana kehilangan kaki kirinya setelah mengalami kemalangan tiga tahun dahulu.

Penyantun ialah orang atau pihak yang **menyantun**, yakni yang memberikan **santunan**. Dan, **penyantunan** ialah proses **menyantun**, misalnya yang terpakai dalam wacana:

(8) **Penyantunan** kerana kemalangan Encik Sham sedang diproses pihak insurans.

Di Singapura dan di Malaysia, **santunan** itu disebut *ganti rugi*.

Kedua kekata **sopan** dan **santun** itu merupakan sinonim yang sama maknanya tetapi berbeza sifatnya, iaitu:

- **sopan** merupakan *budi bahasa*, manakala **santun** merupakan *budi bicara*;
- **sopan** bersifat *spiritual*, sedangkan **santun** bersifat *fizikal*; dan
- **sopan** menunjukkan suatu *rasamalu*, padahal **santun** menunjukkan suatu *perilaku*.

Apabila kedua-dua kata yang bersinonim, **sopan** dan **santun**, digabungkan maka kata gabungan parataksis **sopan santun** itu mengungkap pula maksud yang lain. **Sopan santun** mengungkap *adat dan tradisi, tata susila atau peraturan hidup sesuatu masyarakat*, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

(9) Perkenalan anak-anak muda kita dengan budaya liar yang disangka moden itu telah menghakis banyak **sopan santun** yang terwaris daripada datuk nenek.

(10) Menyapa dan melayan seseorang dengan hormat dan senyum adalah satu daripada **sopan santun** yang tradisional bagi masyarakat Melayu.

sekian dulu